View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk
brought to you by CORE
provided by Universiti Teknologi MARA Institutional Repository

# ISLAMIC HERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

# ISLAMIC HERITAGE
## LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

*Editors*

*Hasan Bahrom*
*S. Salahudin Suyurno*
*Abdul Qayuum Abdul Razak*

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasan Baharom
Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference / Hasan Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak
978-967-0637-13-6
1. Islamic Heritage 2. Civilization I. Hasan Bahrom
II. S.Salahudin Suyurno III. Abdul Qayuum Abdul Razak

Reka bentuk kulit : Mohd Zaid bin Mustafar

Dicetak di Malaysia oleh :

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA,
KM 26 JALAN LENDU,
78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Tel: +606 558 2058

## CONTENTS

PRAKATA i

KATA ALUAN REKTOR UITM MELAKA ii

**ARTS**

A DOCUMENT OF IBÂDI JURISPRUDENCE RELATED TO THE ARCHITECTURE OF MOSQUES 1
Benkari Naima

RE-THINKING THE DEPICTIONS OF TWO-DIMENSIONAL 'LIVING BEINGS' IN CONTEMPORARY ISLAMIC ART 15
Lina Kattan

REVIVING THE CLASSICAL ISLAMIC ARCHITECTURAL DESIGNS OF MOSQUE IN TIN MINING AREA: KINTA VALLEY, PERAK, MALAYSIA 25
Wan Noor Anira Hj Wan Ali @ Yaacob, Norasikin Hassan, Khalilah Hassan & Ameri Mohd Sarip @ Shariff

TOWARDS A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF ANIMATED INFOGRAPHICS IN AN ISLAMIC CONTEXT 38
Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof & Khairul Azhar Mat Daud

QUR'AN AND SPLENDOR OF ISLAMIC CALLIGRAPHY: DEVELOPMENT OF IRANIAN CALLIGRAPHY UNDER INFLUENCE OF QUR'AN TRANSCRIBING 49
Mahdi Sahragard

PLANT AND LANDSCAPE DESIGN: REFLECTION FROM THE QURAN AND HADITH 60
Khalilah Hassan, Nur Huzeima Mohd Hussain, Norizan Mt Akhir & Mazlah Yaacob

SUSTAINABLE AND DIVERSE ISLAMIC ART: A SOCIAL AND CULTURAL EXPERIMENT IN AUSTRALIA 70
Abdul Attamimi & Majdi Faleh

KUFI LARI': THE HYBRID OF KHAT KUFI TO UPHOLD THE MALAYS' IDENTITY IN DIGITAL ART APPLICATION 81
Mohd Amin bin Mohd Noh, Mohd Fauzi bin Harun, Nik Narimah bt Nik Abdullah, Zaharah bt Hj. Ramli & Nor Fariza bt Baharuddin

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN 89
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Md Dahlan, Mohd Farhan Abd Rahman & Norsaeidah Jamaludin

**GENDER**

CANNING CHILDREN: ABUSE OR EDUCATE? 101
Ekmil Krisnawati Erlen Joni & Salmiah Salleh

THE WISDOM OF POLYGAMY IN ISLAM: THE LAW AND CUSTOMARY PRACTICE IN AFGHANISTAN 114
Hekmatullah Muradi & Nasir Ahmad Yousefi

PERBEZAAN TANGGUNGJAWAB PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM) 125
Siti Marhamah binti Kamarul Arifain, Atini Alias, Farrah Wahida Mustafar & Faudziah Yusof

**CULTURE**

VOLUNTEER TOURISM FOR MUSLIM COMMUNITY DEVELOPMENT: APPLYING SOCIAL EXCHANGE THEORY FOR CROSS CULTURE BENEFITS 133
Nik Rozilaini binti Wan Mohamed, Ahmad Rozelan bin Yunus, Mohd Hasrul Yushairi bin Johari & Mashita binti Abdul Jabar

مكتبة آشوربانيبال تراث إنساني فريد 140
وان كمال موجاني & سميرة ميلاد عامر

**POLITIC**

النظام الجنائي الاسلامي هو الحل للأمن في العالم 148
سعدي حيدرة

العلاقات الدبلوماسية الاسلامية في الاندلس مع المماليك الاوروبية، دراسة و تحقيق 158
طارق عبد السلام & عصام ميلود المحراث

حق الدولة المسلمة في امتلاك الأسلحة الحربية وضروة انتاجها وليس استيرادها 165
نور العارفة بنت محمد & ثعيم حنك

**EDUCATION**

دور الثورة التعليمية والثقافية فى تطوير الأمة المسلمة فى منطقة مليبار، كيرلا الهند 175
على أكبر كي وي

ISLAM AND EDUCATION 182
Nasiruddin Mizy

ISLAM AND HIGHER EDUCATION: THE ROLE OF ISLAMIC-BASED UNIVERSITIES IN URBAN DEVELOPMENT 190
Nur Rafidah Asyikin binti Idris

LEARNING ORAL PRESENTATION IN A COLLABORATIVE ENVIRONMENT IN TERTIARY CLASSROOMS: ISLAMIC PERSPECTIVES 201
Juritah Misman & Mardziah Hayati Abdullah

PENDIDIKAN ISLAM DENGAN AKHLAK MORAL PELAJAR: SOROTAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM 213
Siti Noorbiah Md Rejab, Najahudin Lateh, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Zahidah Jaafar & Nur Hidayah Zainal

FAKTOR AGAMA SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENGUBAH TINGKAH LAKU SEORANG BANDUAN 222
Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali & Alis Puteh

**HISTORY**

PARADIGMA ILMU KITAB JAWI DI ALAM MELAYU: SATU PENGENALAN 226
Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Badlihisyam Mohd Nasir, Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Abdul Halim Ismail, Nor Adina Abdul Kadir & Zurina binti Mohamed Noor

ANALISIS KEBANGKITAN VOLGA BULGARIA 922M 236
Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Faizal Khir & Shakila Ahmad

LAKSAMANA PĪRĪ REIS DAN SUMBANGANNYA KEPADA KARTOGRAFI DAWLAH [C]UTHMĀNIYYAH 247
Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidik @ Mat Sidek

## SOCIETY

نظرية الطلاق في الإسلام: دراسة مقارنة مع اليهودية والنصرانية 259
عثمان بن إبراهيم غُرغُدو

A QUALITATIVE STUDY ON WIFE ABUSE IN MUSLIM FAMILIES: WHY WOMEN ENDURE? 278
Mariny Abdul Ghani, Noor Azizah Ahmad & Azizul Mohamad

HIMA AS A MODEL FOR NEIGHBOURHOOD OPEN SPACE PLANNING 290
Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim

حكم تارك الصلاة 301
طارق حميش

ASPEK-ASPEK TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AMALAN JAMPI DI MALAYSIA 307
Juriah Mohd Amin, PM Dr Huzaimah Ismail & PM Supani Husain

LELAKI BERPAKAIAN SEPERTI PEREMPUAN: ANTARA *GENDER IDENTITY DISODER*, UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA 316
Yuhanza binti Othman, Ida Rahayu binti Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa & Marziana Abd Malib

GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA: PENDEKATAN ISLAM DAN PERANAN PEMIMPIN DALAM USAHA PENCEGAHAN 328
Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar & Mushaddad Hasbullah

PEMAHAMAN SERTA PENGAMALAN MAKANAN SUNNAH DAN SUNNAH PEMAKANAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG 335
Siti Fairuz Sujak, Noor Syahida Md Soh, Azizah Md. Kasah, Siti Zaleha Syafiee, Noraishah P. Othman, Rohaya Sulaiman, Nor Fazlin Uteh & Zuliana Zoolkefli

## SCIENCE AND TECHNOLOGY

HARM REDUCTION IN CARTILAGE TISSUE ENGINEERING EXPERIMENTATION: A COMPARATIVE REVIEW BETWEEN ISLAMIC AND CONVENTIONAL ETHICS 346
Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Abdurezak Abdulahi Hashi, Zainul Ibrahim Zainuddin, Rozlin Abdul Rahman, Norhamiza Mohamad Sukri, Mohd Yusof Mohamad, Noorhidayah Md Nazir, Wan Ahmad Dzulkarnain Razali & Munirah Sha'ban

THE IMPACT OF SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS RURAL COMMUNITY IN UNDERSTANDING ISLAM 359
Abdul Hapes bin Mohammed & Nurul Diana bt Mohamed Iqbal

KERANGKA TEORI E-WASIAT 366
Zainal Fikri Zamzuri, Noormala Rabu, Abdullah Hj Said & Mohd Fauzi Md Isa

KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH BERUNSURKAN ISLAM *"ISLAMIC MOBILE APPS"* 373
Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol & Dina Syafini Zaid

## ECONOMICS

المضاربة الشرعية البديل الإسلامي للفائدة الربوية 388
عبدالله بن عمر بلعيدي

AWARENESS OF CASH WAQF AMONG THE MALAYSIAN MUSLIMS 409
Wan Musyirah binti Wan Ismail, To' Puan Prof Dr Rokiah binti Embong, Nur Hayati binti Abd Rahman, Noor Rafhati binti Romaiha & Nur Hazwani binti Mohamad Roseli

DELIVERING CONVENIENT SERVICE AND BETTER ZAKAT DISTRIBUTION MANAGEMENT THROUGH UITM PULAU PINANG eZAKAT SYSTEM 421
Naemah Abdul Wahab, Saiful Nizam Warris, Jamal Othman & Muhammad Che Saad

KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM 432
Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Hj Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, Mariam Farhana Md Nasir & Hamidah Jalani

## FINANCE

A STUDY OF THE ATTRACTIVENESS ON ISLAMIC PAWNBROKING AT AR-RAHNU MAIDAM KUALA TERENGGANU 443
Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Nurul Syazwani binti Ahmad, Adida binti Muhammud, Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias & Rubiah Abu Bakar

EXAMINING THE DIFFERENCES BETWEEN AR RAHNU AND CONVENTIONAL PAWN BROKING IN COMPATIBILITY TOWARDS MAQASID SHARIAH 455
Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin & Rohaida Basiruddin

THE MAIN FACTORS THAT INFLUENCE THE PUBLIC TO PURSUE ISLAMIC PAWN BROKING (AR-RAHNU) COMPARE TO THE CONVENTIONAL PAWN BROKING IN KUALA TERENGGANU 467
Rubiah Abu Bakar, Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Norliyana binti Zulkifli Mohd, Adida binti Muhammud & Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias

THE AWARENESS OF EFFECTIVE FINANCIAL PLANNING AMONG THE STUDENTS OF FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT UITM MELAKA CITY CAMPUS 476
Mohd Sufian bin Ab Kadir, Mohd Fuad bin Othman, Nur Izzati binti Abas, Saloma binti Mohd Yusoff, Maymunah Ismail, Sharina Shariff

PANDANGAN FUQAHA MALIKI TERHADAP JUALBELI SUKUK PADA ZAMAN MARWAN AL-HAKAM: SATU ANALISIS RINGKAS 501
Mohd Asyadi Redzuan, Mohd Farhan Ahmad, Siti Noor Ain Aziz & Shahidatul Ashikin Shahran

PENILAIAN KESAHAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (IPEPS) DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH 506
Najahudin Lateh, Ghafarullahhuddin Din, Muhammad Rahimi Osman, Ezani Yaakob & Salmy Edawati Yaacob

## PHILANTHROPHY

DANA KHAIRAT: PENGALAMAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 515
Hasan Bahrom & Rawi Nordin

## PHILOSOPHY


THE SIGNIFICANCE OF RELIGIOUS KEY TERMS AND THEIR NEW MEANINGS IN AL-FARUQI'S AL-TAWHID: ITS IMPLICATIONS FOR THOUGHT AND LIFE 520
Fadzilah Din

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME 526
Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah

KAJIAN PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR 535
Muaz bin Hj. Mohd Noor, Faizuri bin Abdul Latif, Mohd Zaid bin Mustafar , Mohd Khairul Nizam bin Mohd Aziz, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Norazri bin Mohamad Zaini & Mohd Paidi bin Noman

PANDANGAN HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT EMBRIOLOGI DALAM TAFSIR AL-AZHAR 547
Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Sharifah Norshah bani bt Syed Bidin & Kamarul Shukri bin Mat Teh

KAJIAN *TURATHIY* DAN '*ILMIY* TERHADAP BUAH-BUAHAN DAN HERBA YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH 556
Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa


## LANGUAGE AND COMMUNICATION


MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR 571
Aina Sabariah Md. Isa & Huzaimah Hj Ismail

FAMILY COMMUNICATION MANAGEMENT FROM MUSLIM ADOLESCENT PERSPECTIVE 581
Aziyah binti Abu Bakar

KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM 593
A.Rauf Ridzuan, S. Salahudin Suyurno, Rusydi Kamal, Fakrulnizam Jafri, Dzaa Imma Abd Latif & Siti Nurshahidah Sah Alam

فوائد وسائل الإعلام الحديثة وأضرارهاعلى الإسلام والمسلمين: الإنترنت نموذجًا 600
محمّد الأمين محمّد سيلا

THE ROLE OF PARENTAL COMMUNICATION IN DEVELOPING MUSLIM PERSONALITY: AN OVERVIEW OF PARENTAL ACCEPTANCE-REJECTION THEORY 606
Aini Faezah Ramlan, S. Salahudin Suyurno, Muhammad Shafiei Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Norazlinda Hj Mohammad

PERANAN LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MENGUKUHKAN UKHWAH KEKELUARGAAN 614
Rosilawati Sultan Mohideen, Abdul Rauf Ridzuan, Aini Faezah Ramlan, Fakhrulnizam Jafri & Faridah Hanem Ab. Rashid

KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA 620
Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar

PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL 627
Fakrulnizam Jafri, Abdul Rauf Ridzuan, Rusydi Mohamad Kamal, Rosilawati Sultan Mohideen & Nur Alyani Mohd Shukri

AN ADVERTISING MEDIA: THE RELATIONSHIP OF ADVERTISING MESSAGE, IMAGE AND LANGUAGE USAGE TOWARDS SENSITIVITY IN ISLAMIC PERSPECTIVE 636
Norazlinda Hj. Mohammad, Norida Abu Bakar, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Aini Qamariah Mohd Yusof

HIKMAH DALAM BERDAKWAH SEBAGAI MANHAJ RABBANIYYAH: SATU SOROTAN DEFINISI 645
S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohamad Shafiei Ayub, Muaz Mohd Noor, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Mohd Zaid Mustafar & Abdul Qayuum Abdul Razak

PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL 651
Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim

## MANAGEMENT

THE EFFECTS OF SERVICE QUALITY TOWARDS CUSTOMER SATISFACTION OF ISLAMIC BANK IN KUANTAN PAHANG 659
Maz Izuan Mazalan, Faresya Zunaida Mohd Zubair & Rozman Mohd Yusof

COMPATIBILITY OF PLANTS APPLICATION WITH ISLAMIC VALUES IN THE MALAY LANDSCAPE OF KOTA BHARU CITY 680
Nur Hafizah Ramle & Nik Ismail Azlan Rahman

THE IMPLEMENTATION OF SHARIAH COMPLIANT HOTEL: A CASE STUDY OF PULAI SPRINGS RESORT BERHAD 688
Zuliana binti Zoolkefli, Nor Fazlin binti Uteh, Ruqaiyah binti Ab Rahim & Noor Syahida binti Md Soh

A DETERMINANT MODEL FOR ISLAMIC MANAGEMENT 692
Azman Che Omar

بسم الله الرحمن الرحيم

# *Prakata*

Sejarah warisan Islam telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan dunia hari ini. Ia bukan sahaja memberi sumbangan kepada aspek kerohanian malah turut menyumbang kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kesenian, kebudayaan. sains dan teknologi. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa pentingnya ketamadunan ilmu kepada ketamadunan dunia. Perkara ini selaras dengan tuntutan al-Quran yang menyatakan dengan jelas bahawa Allah SWT memuji sesiapa yang berusaha menuntut ilmu dan juga bertaqwa kepadaNya. Namun sejak akhir-akhir ini, sumbangan hasil pensejarahan Islam sering dipandang sepi oleh generasi muda. Sejarah warisan Islam tidak lagi dijadikan panduan dan iktibar dalam melebarkan ketamadunan ilmu Islam. Mereka lebih tertumpu kepada ketamadunan Barat yang dikatakan 'kaya' dengan khazanah ilmu. Sedangkan kemajuan hari ini seharusnya berlandaskan kepada ketamadunan Islam.

Penelitian atau pengkajian mengenai warisan Islam perlu direncanakan sebagai ketamadunan dunia. Idea-idea baru mengenai sejarah warisan Islam perlu diketengahkan, Oleh yang demikian, menerusi *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) dilihat akan dapat membantu kepada perkembangan produksi seterusnya menjana idea-idea baru khususnya untuk memperkayakan kajian dalam bidang sejarah warisan Islam kepada masyarakat. Dengan penganjuran seminar ini secara tidak langsung membantu untuk menjalinkan hubungan antara para sarjana dalam bidang sejarah warisan Islam. Ini adalah satu cabaran dan membuka peluang baru untuk membina satu perpaduan intelektual merentas sempadan dunia.

Buku ini merupakan kompilasi diskusi ilmu antara para ilmuan yang terlibat secara langsung dalam pembentangan kertas kerja mereka dalam *1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015) daripada pelbagai platform ilmu Islam antaranya Kesenian, Ketamadunan, Komunikasi, Pendidikan, Kewangan, Sains dan Teknologi dan lain-lain lagi. Semoga curahan ilmu melalui penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam menambah khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

Editor,
*1st International Islamic Heritage Conference* (IsHeC 2015),
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Melaka.

# *Kata Aluan Rektor UiTM Melaka*

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam, dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, kejayaan penganjuran *1st International Islamic Heritage Conference* 2015 yang berlangsung di Hotel Mahkota Melaka pada 11-12 November 2015, telah menghasilkan banyak kertas kerja yang amat bermutu. Justeru, buku ini mengumpulkan puluhan penulisan para ilmuan dan cendekiawan dari dalam dan luar negara untuk bacaan semua.
Pelbagai isu telah dikupas termasuklah perihal seni Islam, budaya, politik, gendar, pendidikan, sejarah, kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, falsafah, bahasa dan komunikasi, kedermawanan dan pengurusan. Pembaca juga akan mendapati buku ini memuatkan kajian-kajian yang komited melaksanakan usaha mengintegrasikan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini membuktikan kesegaran keilmuan tamadun Islam itu sendiri.
Semoga perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan komitmen umat dalam memartabatkan perintah Ilahi dalam kehidupan duniawi sebagai jambatan ukhrawi. Sekaligus ia bakal memberi manfaat pada alam sejagat.
Pihak UiTM Melaka merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segala sokongan dalam bentuk material, tenaga dan sebagainya dalam merialisasikan seminar ini. Buat semua penaja yang telah memberikan sumbangan kepada wacana ini, sekalung penghargaan diucapkan. Semoga seminar dwi tahunan ini akan terus diperkasakan demi mengangkat martabat umat melalui kecemerlangan tamadun Islam yang diakui telah terbukti diseluruh jagat.

Sekian, terima kasih. Wassalam

**PROF. MADYA DR MOHD ADNAN BIN HASHIM**
Rektor ,
UiTM Melaka.

# KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Noorfazreen Mohd Aris[559]
Sharipah Amirah Hj Abas[560]
Sarah Dina Mohd Adnan[561]
Mariam Farhana Md Nasir[562]
Hamidah Jalani[563]

## ABSTRAK

*Keusahawanan Islam merupakan proses pencarian, pengembelingan dan pemanfaatan kurniaan Allah SWT untuk faedah sendiri, ummah dan makhluk Allah yg lain sebagaimana yang digariskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keusahawanan tani menurut perspektif islam. Aspek-aspek yang dikaji meliputi konsep, etika dan bidang keusahawanan tani.Bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik menggunakan metode pengumpulan data yang terdiri dari kajian perpustakaan.Hasil daripada kajian mendapati bahawa keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat menjana ekonomi umat Islam.Di samping itu, dapat memberikan garis panduan yang betul kepada umat Islam dalam menjalankan aktiviti keusahawanan.Keusahawanan adalah kerjaya yg dituntut oleh Islam kerana ia menyumbang kepada sumber rezeki individu & keluarga bagi menunaikan kewajipan menyara kehidupan seharian,selain turut membincangkan beberapa etika sebagai seorang usahawan Muslim.Hasil kajian mendapati melalui aktiviti keusahawanan tani ini dapat memberi dan menyediakan sumber makanan untuk manfaat masyarakat dan disamping usahawan juga dapat memenuhi tuntutan fardhu kifayah iaitu kewajipan dan tanggungjawab pada masyarakat.Dengan niat dan cara yang diredhai Allah, keusahawanan menjadi satu cabang ibadat dan akan mendapat ganjaran dari Allah SWT.*

Kata kunci : Keusahawanan tani Islam, kerjaya, ibadat.

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, keusahawanan merangkumi pelbagai bidang seperti keusahawanan pemakanan dan keusahawanan perindustrian.Keusahawanan bidang pertanian merupakan satu cabang keusahawanan yang paling banyak menyumbang kepada kepesatan ekonomi negara.Golongan yang memonopoli bidang ini dikenali sebagai usahawan tani, iaitu mereka yang mengusahakan dan menjalankan suatu aktiviti yang berkaitan dengan tanaman dan penternakan. Usahawan tani juga kebiasaannya menggunakan bantuan dan alat teknologi moden dalam memajukan bidang mereka.

Pertanian tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Bermula daripada Nabi Adam a.s. sebagai manusia yang pertama penghuni muka bumi ini, pertanian telah diberikan penekanan sebagai satu keperluan yang membolehkan kemandirian manusia. Begitulah pertanian yang menjadi nadi kepada kehidupan manusia dengan membekalkan

[559]Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Melaka, noor_areen@melaka.uitm.edu.my.
[560]Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Melaka, sharipah8132@melaka.uitm.edu.my.
[561]Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Melaka, sarahdina@melaka.uitm.edu.my.
[562]Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Melaka, mariamfarhana@melaka.uitm.edu.my.
[563]Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Melaka, hamidahjalani@melaka.uitm.edu.my.

makanan dan mengekalkan sistem alam sekitar yang wujud di dunia ini.Kepentingan bahan makanan bukan sahaja terhad untuk memenuhi keperluan individu tetapi turut menentukan tamadun sesebuah negara.

Begitu juga jika kita merungkap kembali semasa zaman pemulaan dakwah Islam, Nabi Muhammad SAW merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam bidang tersebut.Baginda SAW pernah terlibat dalam aktiviti perniagaan semasa remaja, bahkan pernah bersama-sama bapa saudaranya dalam bidang penternakan kambing semasa Baginda SAW masih kecil lagi.Semasa zaman kemuncak Islam, sahabat Baginda SAW, iaitu Saidina Umar al-Khattab telah memperhebatkan lagi bidang keusahawanan pertanian.Aspek pertanian dimajukan dengan mewujudkan beberapa pengkhususan pekerjaan dan jabatan percukaian pertanian yang digelar sebagai *kharaj* juga telah diperkenalkan.Hal ini bertujuan untuk melicinkan dan memudahkan urusan pentadbiran ekonomi negara Islam ketika itu.

Dalam mencapai kemajuan dalam aspek keusahawanan, khususnya keusahawanan Islam, terdapat beberapa perkara yang amat dititikberatkan.Paling utama adalah dengan meletakkan Allah SWT sebagai satu asas yang tertinggi, selain penekanan konsep *Hayya 'Alal Falah* dan *mujahadah* yang tidak boleh dipandang enteng dalam setiap perbuatan. Setiap pekerjaan yang ikhlas, dan diiringi dengan niat yang baik, pasti akan memberi rezeki dan hasil yang berlipat kali ganda.

Berdasarkan keterangan di atas jelaslah kepada kita akan kepentingan sektor pertanian sebagai pengeluar makanan dan penjamin keseimbangan ekonomi negara. Oleh sebab itu, kajian ini mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang keusahawanan tani kerana merekalah yang bergerak ke hadapan merintis usaha untuk menjadi petani moden, memajukan sektor pertanian dan menggerakkan industri asas tani.

Masalah yang sering berlaku di kalangan masyarakat ialah ramai yang belum yakin dengan kemampuan pertanian sebagai satu sumber pendapatan berdaya maju.Sumber tenaga terutama graduan lebih cenderung untuk makan gaji.Sesetengah berpandangan tempoh pulangan yang lambat dan pelaburan awalan agak tinggi membantutkan hasrat untuk berkecimpung di dalam pertanian. Disebabkan sikap memilih kerja di kalangan graduan akan menambahkan lagi kadar pengangguran di dalam negara.

Di Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diwujudkan, bagi bersama-sama membantu golongan usahawan tani, selain untuk membantu meningkatkan sektor ekonomi negara. Terdapat pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh kementerian tersebut semata-mata untuk membantu golongan usahawan Malaysia, sekaligus mewujudkan satu daya saing antara pengusaha pertanian dalam mengusahakan sesuatu pengeluaran, seiring dengan kemajuan teknologi sedia ada.

Semoga kertas kerja ini dapat membantu menambahkan minat masyarakat untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian dan mengetahui kepentingan sebenar sektor tersebut kepada ekonomi negara.Salah satu pendekatan menarik dibincangkan ialah bagaimana mengubah fahaman masyarakat supaya melihat pertanian sebagai satu perniagaan atau mengubah pandangan bahawa pertanian juga adalah bidang ekonomi kelas pertama.

## DEFINISI USAHAWAN DAN USAHAWAN TANI

Usahawan atau dalam bahasa inggeris *entrepreneur* berasal daripada perkataan 'usaha'. Menurut Kamus Dewan (2002), usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan pembuatan untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu.Secara umum, usahawan merujuk kepada individu yang berjaya menubuhkan atau menguruskan sesuatu jenis perniagaan atau perusahaan. Matlamat usahawan adalah untuk mencapai kejayaan atau keuntungan untuk dirinya dan menyumbang kepada kemakmuran masyarakat sekeliling dan negara. Menurut Charles Banfe (1991), usahawan bermaksud orang yang sentiasa membuat

perubahan, kreatif, sentiasa mencari peluang dan sentiasa memandang ke hadapan. Manakala David Robinson (1990) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang melibatkan diri dalam kegiatan umum atau dikenali sebagai perniagaan sama ada menghasilkan, menjual, atau memperdagangkan sesuatu barang. Selain itu, beliau juga berpendapat usahawan wujud adalah untuk memenuhi keperluan terhadap barangan tetapi ia dijalankan sebagai perkerjaan bagi meningkatkan pengaruh dan kekayaan.

Manakala usahawan tani pula ialah orang yang mengusahakan sesuatu aktiviti pertanian sama ada ternakan ataupun tanaman dengan menggunakan teknologi-teknologi moden. Usahawan tani inilah yang bertanggungjawab mengeluarkan makanan terutamanya makanan asasi yang menjadi keperluan asas bagi setiap manusia. Selain itu, ia juga membuat penyelidikan terhadap ternakan dan tanaman yang diusahakan untuk mempelbagaikan sumber makanan yang sedia ada dan menghasilkan makanan yang berkualiti. Oleh itu, usahawan tani memainkan peranan yang sangat penting terhadap kesejahteraan masyarakat dan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

## KEUSAHAWANAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Pada umumnya konsepusahawan tani dalam Islam menyorot kepada perbincangan dan pendedahan di atas prinsip, pandangan dan ketentuan Islam terhadap golongan usahawan yang menceburi sektor pertanian, kaedah serta peranan yang harus dimainkan oleh mereka di dalam masyarakat serta hubungkait antara ibadat dan akhlak di dalam kegiatan keusahawanan itu sendiri (Sheikh Ghazali Abod, 1987).

Pertanian adalah salah satu tuntutan semula jadi manusia yang ditetapkan oleh Allah SWT yang berfungsi untuk memenuhi tuntutan jasmani dan rohani manusia.Melalui pekerjaan dalam pertanian tersebut, manusia boleh dan mampu memenuhi tuntutan jasmani dan rohani.Islam mengamanahkan kepada manusia supaya memakmurkan alam ini dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT tanpa melakukan kezaliman dan pembaziran.Ini kerana manusia mampu dan berkebolehan melakukan sesuatu kerja yang bermanfaat semasa mereka hidup di dunia ini.Ia menjadi satu tuntutan Fardhu 'Ain bagi manusia yang hanya dengan cara bertani sahaja boleh menjamin kehidupannya. Ini menjadi Fardhu Kifayah jika didapati sebahagiannya daripada anggota masyarakat terpaksa menjalankan tugas-tugas yang lain dalam menyempurnakan kehidupan mereka (Kementerian Pertanian Malaysia, 1993).

Usahawan tani adalah barisan utama dalam sebuah masyarakat yang telah melaksanakan Fardhu Kifayah demi memakmurkan kehidupan masyarakat sama ada dari segi makanan, minuman dan rekreasi. Sumbangan mereka adalah sangat besar dari kaca mata agama dan masyarakat.Dalam masyarakat kini, usahawan tani adalah mereka yang menyumbangkan pendapatan dan harta mereka kepada orang-orang miskin dengan pengeluaran zakat.

Hakikat bahawa Islam menuntut manusia merealisasikan dan membuktikan kebaikannya melalui usaha mereka boleh difahami melalui Firman Allah SWT yang bermaksud:-

> *"Maha Suci Allah Yang di tangan-Nyalah segala kerajaan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun"*
>
> (Al-Mulk (67) : 1-2)

Ayat al-Quran di atas menyatakan dengan tegas bahawa manusia tidak perlu ragu dan bimbang akan ganjaran dan balasan terhadap apa yang dikerjakan dan diusahakan olehnya kerana Allah Maha Berkuasa menyediakan segalanya. Di sini jelas bahawa bidang keusahawanan dalam sektor pertanian adalah sebati dengan Islam dan ia mendapat galakan dan dorongan daripada Allah SWT dan junjungan besar kita Nabi Muhamad SAW melalui firman-firmanNya dan sabda-sabda Rasulullah s.a.w kerana pertanian adalah salah satu

tuntutan semula jadi manusia yang ditetapkan oleh Allah SWT yang berfungsi untuk memenuhi tuntutan jasmani dan rohani manusia.

Kita imbas kembali ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh atau berkaitandengan pertanian dan tanaman makanan iaitu :-

> *"Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagaihamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan(yang di bina dengan kukuhnya); dan di turunkanNya air hujandari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenisbuah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlahkamu mengadakan bagi Allah SWT sebarang sekutu, padahal kamu semua mengatahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)"*
>
> (Surah Al-Baqarah (2): 22)

Banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai pertaniandan perniagaan hasil pertanian.Di dalam ayat-ayat di atas jelas menyatakanbahawa Allah SWT menjadikan dunia sebagai sebab untuk manusiabercucuk tanam dan berternakan dan menjadikannya sebagai makanan. Disamping itu juga, aktiviti pertanian bukan sahaja setakat sara diri bagi keluarga,ianya juga di jadikan satu aktiviti perniagaan dan perdagangan (Zainalabidin, 2005).

Pertanian adalah merupakan satu aktiviti yangpenting dan perdagangan hasil pertanian juga penting.Dari segi sejarah, kita singkap balik kisah kaum Saba'.Di mana kaun Saba' ini terkenal denganaktiviti pertaniannya dan mempunyai teknologi pertanian yang sungguh canggih. Dikatakan bahawa kebun buah-buahan berbatu-batu panjangnyadan semasa penuaian buah-buahan, kaum ini hanya perlu membawa bakuldan berjalan di bawah pokok dan mereka tahu dan dapat mengenalpasti buahmana yang masak dan akan gugur semasa itu. Mereka membina empangan-empanganuntuk di jadikan tali air bagi menyuburkan tanaman mereka.

Namun begitu kaum ini telah di musnahkan oleh Allah S.W.T oleh keranamereka enggan beriman dengan Allah SWT.dannabi-nabi yang menyerukepada mereka.Di katakan lebih kurang 13 orang Nabi-Nabi di utuskan kepada kaum Saba', namun mereka enggan beriman kepada Allah SWT).Daripada kisah di atas kita boleh membuat kesimpulan bahawa aktivitipertanian komersial, perniagaan dan perdagangan di antara masyarakatadalah satu aktiviti yang semulajadi dan sebati di dalam kehidupan manusia.Banyak surah-surah dalam Al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW yangberkaitan dengan pertanian, perniagaan dan perdagangan yangmenggalakkan manusia menceburinya.Namun begitu ianya mesti mengikut tatacara yang Allah SWT redhai.

Carta 1 : Keusahawanan Tani Islam



**KEDUDUKAN BIDANG KEUSAHAWANAN DALAM ISLAM**

Bidang keusahawanan adalah salah satu bidang kerja yang penting dan dipandang tinggi oleh Islam, biar serendah mana sekalipun kerja yang diusahakan itu pada pandangan masyarakat asalkan ianya bersifat halal pada pandangan Islam (Adnan Alias et.al, 1992). Melalui konsep usahawan dan keusahawanan yang telah dijelaskan di atas, kita dapati bahawa bidang keusahawanan ini sememangnya sebati dengan Islam. Di sini akan dinyatakan kedudukan bidang keusahawanan menurut kacamata Islam :-

1. Bekerja Sebagai Suatu Kewajipan

   Islam meletakkan bahawa bekerja itu adalah sebagai fardhu ‘ain yang mana ia dituntut ke atas setiap Muslim.Ini kerana kekuatan ibadat seseorang bergantung kepada kekuatan tubuh badan dan jiwa di mana ianya mesti diperolehi melalui makanan dan minuman.Sekiranya manusia itu malas bekerja maka bagaimana untuk mereka mendapatkan makanan dan minuman tersebut.

2. Islam Menentang Pengangguran

   Nabi Muhammad SAWbersabda :-

   > *“Seseorang itu terus meminta-minta dari manusia sehinggalah datang pada Hari Kiamat nanti, sedangkan diwajahnya tidak terdapat walau secubit daging”.*
   >
   > (Riwayat Sahih Al-Bukhari)

   Rasulullah SAW sendiri memberi galakkan supaya manusia terus berusaha mencari rezeki dan tidak terus menganggur. Nabi terdahulu juga bekerja mencari rezeki, contohnya Adam a.s. sebagai petani, Nuh a.s. sebagai peniaga, Idris a.s. sebagai tukang jahit dan Rasulullah sendiri sebagai peniaga dan pernah menjadi pengembala di zaman awal remaja Baginda.

3. Kerja Sebagai Punca Nilai

   Islam meletakkan kerja sebagai fardhu ke atas orang mukmin kerana kerja dianggap sumber nilai dan tanggungjawab manusia. Ini jelas sekali dari firman Allah SWT yang bermaksud :-

   > *“Dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya”*
   >
   > (Surah al-Najm (53): 39)

   Asas kerja sebagai sumber nilai telah dikemukakan oleh Islam sejak empat belas abad yang lalu sedangkan orang barat mula mengenalinya hanya pada abad kelapan belas (Sheikh Ghazali Sheikh Abod, 1991).

4. Kerja Sebagai Kemajuan

   Kemajuan sesebuah masyarakat bergantung kepada kesungguhan anggotanya bekerja dan Islam telah menekankan perkara ini sejak zaman Rasulullah lagi. Sabda Rasulullah SAW. :-

   > *“Tidak seseorang pun makan makanan yang lebih baik daripada makanan yang dihasilkan melalui kerja tangannya”*
   >
   > (Riwayat Al-Bukhari)

   Di samping itu, terdapat pelbagai hadith yang telah mendorong manusia supaya bertani, berniaga, menternak dan bertukang.

5. Sifat Keusahawanan Selari dengan Fitrah Manusia

   Sistem ekonomi Islam mengamalkan sistem yang adil.Ia memberikan kebaikan dan menolak sebarang keburukan yang timbul daripada sistem barat. Islam menggalakkan umatnya mengumpul kekayaan dan dalam masa yang sama tidak melupakan tanggungjawab kepada masyarakat melalui sistem zakat, derma dan cukai. Rasulullah SAW menggalakkan orang-orang Islam berusaha atau bermurah hati, bekerja dan menghulurkan pemberian tanpa mengharapkan apa-apa pujian.

## ETIKA USAHAWAN MUSLIM

Keusahawanan Islam menganjurkan usahawan-usahawan supaya berusaha menerapkan nilai-nilai murni di samping menjalankan usaha mereka berlandaskan etika agama. Antara etika yang dianjurkan ialah (Adnan Alias et.al 1992) :

1) Beriman dan Beramal Soleh
   Etika ini adalah yang terpenting kerana ia merupakan asas kepada pembentukan sahsiah usahawan Muslim yang tulen. Usahawan Muslim perlulah bertindak dalam batas-batas keyakinan mereka kepada Allah SWT dan sentiasa mematuhi segala suruhanNya.Etika ini juga membentuk usahawan supaya sentiasa merendah diri dan mengakui hakikat kekurangan yang ada pada diri mereka.
2) Memenuhi Janji
   Usahawan tidak pernah terlepas daripada membuat perjanjian sama ada secara lisan atau kontrak bertulis dalam menjalankan perniagaan mereka. Oleh itu, usahawan Muslim diwajibkan memenuhi semua janji-janji yang dibuat. Etika ini akan menjadikan seorang usahawan itu boleh dipercayai dan sudah pasti akan mendatangkan kebaikan kepada mereka dan perniagaan mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud :

   > *"Hendaklah kamu tunaikan janji (kerana) bahawa janji itu merupakan satu tanggungjawab"*
   >
   > (Al-Isra' (17) : 34)
3) Bersifat Adil
   Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, Islam menggalakkan usahawan Muslim supaya berlaku adil, umpamanya tidak melakukan diskriminasi dan lain-lain perbuatan zalim.Bersifat adil juga diperlukan semasa mereka membuat ukuran dan timbangan.
4) Bersifat Benar, Jujur dan Ikhlas
   Islam melarang keras usahawan yang dengan sengaja melakukan sebarang bentuk penyelewengan dan penipuan.Usahawan Muslim hendaklah sentiasa bersifat benar, jujur dan ikhlas apabila mereka menjalankan urusniaga harian mereka. Sifat jujur dan amanah juga akan dapat menghindari kesan-kesan negatif terhadap perhubungan antara usahawan dengan pelanggan mereka. Sifat ikhlas pula akan menambahkan keberkatan rezeki yang diberi oleh Allah SWT.Bagi mereka yang membuat sebarang bentuk penipuan pada barang atau harga dicela oleh Islam.
5) Bersopan-santun
   Kejayaan sesebuah perniagaan bergantung kepada setakat mana perniagaan tersebut boleh meraih keuntungan.Untuk mendapat keuntungan pula, perniagaan perlu laris dan mempunyai ramai pelanggan.Perhubungan yang baik ketika menjalankan urusniaga akan dapat menarik lebih ramai pelanggan. Bersopan-santun ketika menjalankan urusniaga adalah asas kepada perhubungan yang baik.
6) Berorientasikan Kecekapan dan Daya Pengeluaran
   Etika berorientasikan kecekapan dan daya pengeluaran perlu ada pada diri setiap usahawan Muslim kerana ia dapat mengelakkan daripada pembaziran sumber-sumber seperti masa, tenaga dan wang. Usahawan Muslim perlu meningkatkan produktiviti perniagaan dari masa ke masa.Ini boleh dilakukan dengan merancang secara sistematik.
7) Mensyukuri Hasil yang Diperolehi
   Keusahawanan Islam juga menganjurkan usahawan agar sentiasa bersyukur di atas segala pemberian Tuhan. Dengan cara ini akan dapat menguatkan lagi keimanan terhadap konsep Qadha' dan Qadar. Sekiranya usahawan dapat meyakini konsep ini, sama ada memperolehi untung yang banyak atau sedikit tidak menjadi soal. Yang penting sekali, usahawan perlu berusaha dan soal penentuan kadar rezeki ditentukan oleh Allah SWT

## CIRI-CIRI SEORANG USAHAWAN

Seseorang individu yang berjaya dalam bidang keusahawanan ataupun ingin membina diri sebagai usahawan yang berjaya perlu memiliki ciri-ciri tertentu. Ciri-ciri ini bukanlah sesuatu

yang diwarisi semenjak seseorang itu dilahirkan tetapi ia dipelajari dan dibangunkan. Antara ciri-ciri penting yang perlu ada pada diri seorang usahawan adalah (Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2006) :-

1) Berdikari
Bagi menjadi seorang usahawan yang berjaya, sikap suka bergantung pada orang lain perlu dikikis sebaliknya sikap berdikari perlu dipupuk. Seseorang usahawan mesti berusaha melakukan sesuatu mengikut caranya sendiri.Ini bukan bermakna semua bantuan itu perlu dibuat secara sederhana.
2) Yakin Diri
Dalam mengejar kejayaan, seseorang usahawan perlu yakin pada dirinya sendiri dan mempunyai kawalan dalaman yang tinggi.Mereka tidak percaya kejayaan dapat dicapai hanya melalui tuah ataupun takdir untung nasib, sebaliknya melalui usaha.Bagi meningkatkan keyakinan diri terutamanya apabila berhadapan dengan kesukaran, usahawan perlu meluahkan perasaannya kepada orang yang rapat dengannya seperti keluarga. Di samping itu, usahawan perlu belajar menjalinkan hubungan sesama usahawan yang lain supaya segala masalah dapat diselesaikan dengan mudah. Orang lain yang melihat keyakinan diri usahawan akan lebih menghormati mereka (Tony Zeiss, 2006).
3) Berwawasan
Seseorang usahawan mesti menetapkan hala tuju yang tertentu pada masa hadapan.Wawasan perlu dibentuk bagi kedua-dua jangka masa iaitu jangka masa pendek dan jangka masa panjang.Wawasan dapat mengelakkan lencongan.Dengan adanya hala tuju atau wawasan yang jelas, segala usaha yang diambil disasarkan ke arah pencapaian wawasan yang ditetapkan (Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2006).
4) Kreatif dan Inovatif
Sikap kreatif dan inovatif perlu dipupuk supaya perniagaan yang diusahakan itu berbeza daripada pesaing.Melalui sikap kreatif dan inovatif, keluaran yang dihasilkan dan ditawarkan kepada pengguna kelihatan berbeza dan unik.
5) Boleh Dipercayai dan Jujur
Kejayaan seseorang usahawan juga bergantung pada cara ia menjalankan perniagaan iaitu sama ada secara jujur ataupun tidak beretika. Kejujuran dan sikap boleh dipercayai yang ditonjolkan oleh usahawan dapat membantu pembinaan keyakinan dan kepercayaan oleh orang lain pelanggan, pembekal dan pemiutang (Ibrahim Abu Bakar, 1992) .
6) Tabah Menghadapi Kesamaran dan Kegagalan
Kerjaya sebagai seorang usahawan sering berhadapan dengan kesamaran dan kegagalan akibat perubahan yang berlaku di persekitaran.Ini kerana tiada suatu garis panduan yang tepat dan jelas bagaimana seorang usahawan perlu bertindak dan bergelagat terhadap perubahan.Oleh yang demikian, usahawan perlu tabah menghadapi kesamaran dan kegagalan. Kegagalan perlu dijadikan teladan oleh usahawan supaya kesilapan yang sama tidak diulangi. Seseorang yang mengambil serius masalah yang dihadapi merupakan mereka yang belajar cara untuk menyelesaikan masalah dan merekalah yang paling dihormati oleh pelanggan.
7) Mengambil Risiko yang Sederhana
Usahawan bukanlah 'seorang penjudi' seperti yang dikatakan oleh mitos keusahawanan, sebaliknya mereka adalah seorang yang berani dalam pengambilan risiko.Apabila berhadapan dengan ketidakpastian, usahawan menimbangkan semua aspek yang mungkin dan berhati-hati membuat sebarang pilihan. Mereka juga cuba mengelakkan diri mereka daripada terjebak dengan risiko yang tidak munasabah (Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2006).
8) Bijak Mencari Peluang
Usahawan seharusnya peka terhadap peluang-peluang perniagaan yang ada di sekelilingnya. Usahawan yang bijak akan sentiasa berusaha mencari peluang dan cekap mengenalpasti peluang yang sedia ada ataupun yang wujud. Usahawan perlu dapat

memanfaatkan sesuatu situasi untuk dijadikan sebagai peluang perniagaan. Usahawan harus sedar bahawa peluang hanya datang sekali sekala, boleh dicari, boleh diwujudkan dan perlu direbut, kalau lambat bertindak maka terlepaskan peluang (Kam Kasturie dan Norzuhaira, 2003).

## KEUSAHAWANAN TANI SEBAGAI KERJAYA

Tiga atau empat dekad yang lalu, kerjaya sebagai usahawan bukan merupakan pilihan bagi kebanyakan orang. Ini kerana peluang-peluang perniagaan tidak begitu menyerlah dan banyak pekerjaan lain yang lebih mudah didapati. Kebanyakan berpendapat bahawa keusahawanan adalah sesuatu yang sukar dan ianya merupakan satu kerjaya yang tidak terjamin berbanding jika bekerja makan gaji, lebih-lebih lagi bekerja dengan kerajaan.Malahan tidak salah jika dikatakan bahawa golongan bumiputera yang menceburi diri dalam bidang keusahawanan adalah kerana terpaksa disebabkan oleh kegagalan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lain(Kam Kasturie dan Norzuhaira, 2003).

Bagaimanapun, perubahan dan kemajuan dalam pembangunan ekonomi negara, terutamanya pada dua dekad kebelakangan ini telah melahirkan banyak peluang-peluang perniagaan dalam sektor pertanian.Pusat-pusat pengajian tinggi juga mula menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan.Perkembangan sebegini menyebabkan lebih ramai orang, terutamanya kaum bumiputera yang mula memahami dan meminati bidang perniagaan dan keusahawanan.Dengan itu kita dapati bahawa lebih ramai yang secara sedar dan sukarela memilih keusahawanan dalam sektor pertanian sebagai kerjaya mereka.Mereka mula melihat keusahawanan sebagai sumber rezeki yang lebih meyakinkan.

Selain itu, penekanan kerajaan kepada industri asastani adalah bermatlamat untuk melahirkan usahawan pertanian melalui penglibatan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selain meningkatkan nilai tambah produk segar dan menjana keupayaan teknologi. Ini adalah kerana dengan memajukan sektor pertanian serta industri asas tani akan membantu memperkasakan kawasan luar bandar, terutama penduduk yang sebahagiannya petani. Langkah mewujudkan kawasan industri asas tani juga dapat membantu usaha kerajaan melaksanakan transformasi sektor pertanian, sekaligus menjadi sumber pendapatan dan kekayaan baru kepada masyarakat.

### KepentinganUsahawan Tani Kepada Masyarakat

Kepentingan usahawan tani kepada masyarakat ialah memenuhi keperluan makanan dan kehendak pengguna.Usahawan tani pada dasarnya terdiri daripada pengeluar atau peniaga yang mengusahakan aktiviti pertanian seperti ternakan dan tanaman untuk memenuhi keperluan makanan dan kehendak masyarakat pengguna.Maka usahawan tani yang berjaya ialah usahawan yang berjaya mengenal pasti kehendak dan keperluan makanan masyarakat dan seterusnya membekalkan barangan tersebut. Usahawan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mengeluarkan makanan dari hasil pertanian kepada pengguna dengan membekalkan makanan yang diperlukan pada masa dan tempat yang diperlukan.

Selain itu, usahawan tani dapat mewujudkan peluang pekerjaan.Peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh golongan usahawan tani berjaya mengatasi masalah pengangguran di negara ini. Penggunaan kepakaran dan tenaga fizikal masyarakat yang lebih produktif juga telah meningkat. Kepakaran dan pengalaman serta latihan yang disediakan oleh usahawan tani kepada masyarakat pekerja berupaya melahirkan anggota masyarakat yang mahir dan berkeupayaan tinggi serta pengeluaran hasil yang berkualiti dalam sesuatu bidang pertanian yang diceburi.

Meningkatkan taraf hidup masyarakat juga merupakan kepentingan keusahawanan dalam sektor pertanian Dengan adanya peluang pekerjaan yang banyak, anggota masyarakat dapat menikmati pendapatan yang lumayan.Seterusnya, pendapatan itu boleh digunakan untuk membeli pelbagai jenis barangan yang diperlukan untuk meningkatkan keselesaan hidup mereka(Nor Aishah Buang, 2002).

**KepentinganUsahawan Tani Kepada Kerajaan**

Kepentingan usahawan tani kepada kerajaan ialah mewujudkan peluang pekerjaan usahawan boleh mengurangkan pengangguran dan meningkatkan pendapatan negara kerana setiap individu yang bekerja akan membayar cukai perniagaan dan zakat tanaman atau ternakan dan berbelanja untuk memperoleh barang dan perkhidmatan tertentu. Disamping itu, kepentingannya juga adalah membangunkan sektor ekonomi tertentu. Usahawan yang melibatkan diri dalam sektor ekonomi tertentu, terutamanya sektor pertanian akan cuba sedaya upaya untuk membangunkan sektor ekonomi tersebut(Nor Aishah Buang, 2002).

Usahawan tani dapat mempelbagaikan ekonomi negara dan tidak akan terlibat dalam satu-satu industri sahaja. Mereka selalunya melibatkan diri dalam pelbagai sektor, sama ada sektor pertanian dan perkhidmatan. Tindakan ini menyebabkan ekonomi negara tidak perlu bergantung kepada sesuatu sektor tertentu sahaja. Oleh itu, ekonomi negara akan sentiasa kukuh walaupun satu sektor tertentu mungkin mengalami masalah untuk berkembang.

Selain itu, usahawan tani penting untuk menghasilkan pendapatan untuk negara. Usahawan tani akan meningkatkan pendapatan negara melalui pembayaran cukai perniagaan dan zakat kepada kerajaan. Malah usahawan tani juga dapat meningkatkan pendapatan negara dengan menyumbang kepada pembayaran duti kastam, iaitu cukai import dan eksport.

## PENGLIBATAN KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DI MALAYSIA

Penglibatan kerajaan dalam pembentukan usahawan bergantung kepada ideologi negara.Malaysia sebagai sebuah negara campuran sentiasa menyokong pembentukan dan pembangunan usahawan.Masyarakat bumiputera yang membentuk majoriti warganegara Malaysia mempunyai kuasa politik, tetapi tiada kuasa ekonomi sejak zaman kemerdekaan lagi.Sebaliknya, masyarakat bukan bumiputera menguasai kegiatan ekonomi negara.Majoriti daripada kaum bumiputera tinggal di luar bandar dan mengamalkan aktiviti pertanian.Kebanyakan daripada mereka hidup dalam kemiskinan (Nor Aishah Buang, 2002).

Kerajaan telah memainkan beberapa peranan dalam memberikan galakan kepada usahawan untuk menjayakan aktiviti perniagaan mereka.Beberapa usaha telah digariskan untuk mengembangkan skop perniagaan usahawan di Malaysia. Antara galakan yang diberikan oleh kerajaan meliputi penyediaan bangunan, perundingan perniagaan, latihan dan pengurusan, kemudahan infrastruktur dan ruang niaga, promosi dan pemasaran, galakan taraf perintis, pemberian galakan untuk eksport, pemberian elaun pelaburan semula, bantuan-bantuan dalam bidang teknologi dan teknikal, kemudahan pinjaman kredit, program-program latihan untuk melahirkan usahawan.

**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)**

Peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah untuk menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan pengembelingan seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN). Selain itu, ia menggubal dan merancang dasar, strategi dan program pembangunan pertanian serta mengendalikan tugas-tugas pengesanan, penilaian serta penyelarasan pelaksanaan bagi projek program yang dilaksanakan dan juga Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu.

Manakala Jabatan Pertanian adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang berperanan meningkatkan daya saing pengusaha pertanian (swasta dan petani) melalui pemindahan teknologi dan perkhidmatan perundingan ke arah pengeluaran berdaya maju dan bermutu tinggi serta mempunyai nilai tambah. Pemindahan teknologi tersebut adalah bantuan daripada MARDI yang melakukan penyelidikan dalam pertanian.Manakala untuk meningkatkan pendapatan petani melalui usaha nilai tambah, bukan semata-mata pengeluaran hasil pertanian tetapi melakukan nilai tambah ke atas hasil pertanian tersebut. Jabatan ini juga melaksanakan akta menjaga keselamatan tanaman dan penggunaan racun ke arah pengeluaran makanan yang selamat (Jabatan Pertanian, t.t.).

Selaras dengan dasar untuk menjadikan pertanian sebagai perniagaan yang berdaya maju, usaha yang lebih gigih akan diambil untuk membangunkan usahawan tani baru, memperkasa usahawan kecil dan sederhana yang sedia ada serta menggalakkan pengeksport pertanian. Langkah ini termasuk program pembangunan keusahawanan untuk membangunkan lebih ramai usahawan tani Bumiputera yang berkebolehan. Sehubungan ini, latihan khas, kemudahan kredit dan bantuan teknikal akan disediakan. Usaha juga akan diambil untuk membangunkan usahawan di kalangan generasi baru peneroka FELDA dan peserta di kawasan projek pembangunan tanah yang lain (Jabatan Perdana Menteri, 2005).

## KESIMPULAN

Kesimpulannya keusahawanan ialah orang yang melibatkan diri dalam sesuatu perniagaan atau perusahaan. Dia bertanggungjawab dalam mengusahakan sesuatu perusahaan samada dalam bidang pertanian, penternakan, pengeluaran atau perkhidmatan. Adalah yang pasti usahawan merupakan seseorang yang berinovasi, kreatif, bertanggungjawab, mempunyai inisiatif dan daya saing yang tinggi dan mempunyai keinginan untuk mencapai kecemerlangan bagi dirinya dan juga masyarakat.

Usahawan tani memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara dan perkembangan sosial yang positif. Membangunkan sektor pertanian adalah satu keperluan dalam sesebuah negara.Ini kerana hasil daripada pertanian memberi banyak manfaat pada manusia.Oleh itu, kerajaan Malaysia telah melancarkan banyak program untuk membantu usahawan tani yang berjaya, terutamanya usahawan Bumiputera untuk memastikan usahawan-usahawan itu memperoleh keuntungan dan mencapai kejayaan dalam perniagaan tani yang diceburi.

## RUJUKAN

Abdullah al-Qari (2009), *Islam Penggerak Revolusi Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adnan Alias, Humam Mohamed & Mohamed Dahlan Ibrahim (1992), *Konsep Keusahawanan Islam.* Arina Publication House : Selangor.

Jabatan Perdana Menteri (2005), *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010,* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Charles Banfe (1991), *Entreprenuer From Zero to Hero.* New York : Van Nostrand Reinhold.

David Robinson (1990), *The Naked Entreprenuer.*London : Kogan Page.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan,* Edisi Ketiga, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Ibrahim Abu Bakar (1992), *Ciri-ciri Usahawan Islam.* Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan* (2006-2010). Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi

Jabatan Perikanan Malaysia, http:/ /dof.gov.my.5 Februari 2008.

Jabatan Pertanian (t.t), "Program-program Utama Jabatan Pertanian" (Taklimat Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani).

Kam Kasturie & Norzuhaira (2003) "Kecemerlangan dalam Keusahawanan".*Buletin Aleps,* Edisi 23, Ogos, h.1

Kementerian Kewangan Malaysia (2009), *Laporan Ekonomi 2009/2010*. Putrajaya : Kementerian Kewangan Malaysia.

Kementerian Pertanian Malaysia (1993), *Pertanian dalam al-Quran : Satu Tinjauan Ringkas,* Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia.

Lokman Ismail (2005 ), "Sektor Pertanian Perlu Penyertaan Golongan Muda". *Dewan Ekonomi,* Disember.

Muhammad Isma'il Abu 'Abdillah Al-Bukhari (1400H), *Jami' Sahih al-Bukhari.*Jil. 4, Kaherah : Maktabah al-Salafiyyah.

Nor Aishah Buang (2002),*Asas Keusahawanan.* Penerbit Fajar Bakti : Selangor.

Sheikh Ghazali Abod (1987), *Konsep Usahawan dan Keusahawanan Dalam Islam* (Kertas Kerja Seminar Keusahawanan dan Perniagaan Islam di Maktab Kerjasama Malaysia Petaling Jaya pada 28-29 Nov 1987).

Sheikh Ghazali Sheikh Abod (1991), *Pengurusan Perniagaan Islam: Suatu Perbandingan.* Shah Alam : HIZBI Sdn. Bhd.

Tony Zeiss (2006), *Build Your Own Ladder.*Nelson : A Division of Thomas Nelson Publishers.

Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun (2006), *Menjadi Usahawan.*Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.